

**‘BATIK PAINTING’ DAN ‘PAINTING BATIK’ DALAM PERKEMBANGAN  
SENI LUKIS MODEN MALAYSIA**

**oleh**

**HARUZILA BINTI RAMLI**

**Tesis Yang Diserahkan Untuk Memenuhi Keperluan Bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**November 2007**

## **PENGHARGAAN**

*Bismi-Allah ar-Rahman ar-Rahim.*

Syukur alhamdulillah kehadiran Allah Subhannallah Taala yang memberi limpah kurnia-Nya serta dengan izin-Nya juga kajian ini akhirnya terlaksana. Penghargaan tidak terhingga kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang telah menganugerahkan Hadiah Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB). Diharap kajian ini dapat membantu pelbagai pihak untuk bersama-sama memperolehi manfaatnya. Jutaan terima kasih ini ditujukan terutama kepada Prof. Madya Dr. Zakaria Ali, selaku penyelia yang banyak meluangkan masa dalam memberi bimbingan, panduan, komentar serta cadangan yang membina sehingga kajian ini dapat direalisasikan. Sekalung penghargaan juga buat Prof. Madya Dr. Mohamed Najib Ahmad Dawa, selaku Dekan Pusat Pengajian Seni, yang banyak membantu dalam memberi bimbingan dan komentar bagi menyempurnakan kajian ini.

Terima kasih juga buat semua karyawan-karyawan seni tampak yang terlibat dalam kajian ini terutama kepada Ismail Mat Hussin, Allahyarham Yusoff Abdullah, Khalil Ibrahim, Fatimah Chik, Allahyarham Syed Shahrudin, Hashim Hassan, Chang Fee Ming, Ismail Kadir, Dr. Najib Dawa dan Yeong Seak Ling atas segala kerjasama dan bantuan yang diberikan sehingga kajian ini dapat dilaksanakan seperti yang dirancang.

Sekalung penghargaan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Perpustakaan Balai Seni Lukis Negara, Galeri Petronas, kaum keluarga Chuah Thean Teng di Galeri Yahong, Muzium dan Galeri USM, Muzium dan Galeri Pulau Pinang, Perpustakaan Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Jabatan Antikuiti Muzium, Kuala Lumpur yang telah mengizinkan dokumennya dirujuk dan difotokopikan.

Buat suami tersayang Tajul Shuhaizam bin Said terima kasih kerana sabar dan memahami serta banyak membantu dalam memberi cadangan serta kritikan yang membina. Buat kesayangan *Mummy*, Aneesa Damia Natasha dan Aneesa Dania El Zahraa, kesabaran kalian memberikan *mummy* semangat untuk menyempurnakan kajian ini. Buat ayahanda Ramli bin Abdul Wahab dan ibunda Naimah binti Hj. Awang serta semua kaum keluarga iringan doa kalian membolehkan kajian ini dapat direalisasikan. Buat mertua ayahanda Said bin Idom, Ibunda Mariam binti Saad dan ibunda Siti Eshah binti Idris terima kasih kerana memahami. Tidak lupa juga buat rakan-rakan sekerja yang memberi sokongan dan galakkan, terutama Dr. Ahmad Suhaimi dan Prof. Madya Zulkifli Yusof.

*Walhamduli-ALLAH-Rabb al 'alamain.*

## SUSUNAN KANDUNGAN

	Muka surat
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>JADUAL KANDUNGAN</b>	iv
<b>SENARAI RAJAH</b>	vi
<b>SENARAI PLAT</b>	vi
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	ix
<b>ABSTRAK</b>	x
<b>ABSTRACT</b>	xii

### **BAB SATU : PENDAHULUAN**

1.0	Pengenalan	1
1.1	Permasalahan Kajian	3
1.2	Objektif Kajian	8
1.3	Persoalan Kajian	8
1.4	Kaedah Kajian	9
1.5	Kerangka Kajian	10
1.6	Pengumpulan Data	16
1.7	Kepentingan Kajian	18
1.8	Batasan Kajian	18

### **BAB DUA : SOROTAN LITERATUR**

2.0	Definasi Batik	20
2.1	Perkembangan Batik Di Malaysia	24
2.2	‘Batik Painting Dan Painting Batik Dalam Seni Lukis Moden Malaysia.	35
2.3	Katalog-Katalog Pameran	65
2.3.1	Katalog Pameran Tahun 50-an	65
2.3.2	Katalog Pameran Tahun 60-an	69
2.3.3	Katalog Pameran Tahun 70-an	91

2.3.4	Katalog Pameran Tahun 80-an	101
2.3.5	Katalog Pameran Tahun 90-an	126
2.3.6	Katalog Pameran 2000	141
<b>BAB TIGA : ‘ BATIK PAINTING’</b>		
3.0	Apakah Yang Dimaksudkan Dengan ‘Batik Painting’?	143
3.1	Pelukis-Pelukis ‘Batik Painting’	148
3.1.1	Ismail Mat Hussin	149
3.1.2	Yusoff Abdullah	162
3.1.3	Khalil Ibrahim	176
3.1.4	Fatimah Chik	190
3.1.5	Syed Shaharuddin Syed Bakeri	204
<b>BAB EMPAT: ‘PAINTING BATIK’</b>		
4.0	Apakah Yang Dimaksudkan Dengan ‘Painting Batik’?	215
4.1	Pelukis-Pelukis ‘Painting Batik’	219
4.1.1	Hashim Hassan	220
4.1.2	Chang Fee Ming	233
4.1.3	Ismail Kadir	247
4.1.4	Mohamed Najib Ahmad Dawa	260
4.1.5	Yeong Seak Ling	272
<b>BAB LIMA: KESIMPULAN</b>		288
SENARAI RUJUKAN		293
LAMPIRAN		300

## SENARAI RAJAH

	Muka surat
1.1 Teori Panofsky's.	11
1.2 Penjadualan Kajian Yang Diadaptasikan dari Teori Panofsky's.	13
1.3 Teori Style oleh Meyer Shapiro.	14
1.4 Adaptasi teori Style.	15
1.5 Kerangka teori Kajian 'Batik Painting' dan 'Painting Batik'.	16

## SENARAI PLAT

	Muka surat
2.1 Chuah Thean Teng, <i>Busy</i> , (1962), Batik, 179.5 x 113.5cm.	40
2.2 Chuah Thean Teng, "Musim Buah", (1968), Batik, 101 x 80.5cm.	41
2.3 Tay Mo Leong, <i>Kampung House</i> , (1986), Batik, 116 x 87cm.	44
2.4 Ida Ruth Tallala, "Sinaran Suria", (1965) Batik 64 x 106 cm.	46
2.5 Patrick Ng Kah Onn, "Kejadian Batik", (1960), Batik.	47
2.6 Lim Khoo Hock (Toya), <i>Collecting Hay</i> (1975), Batik.	48
2.7 Lim Khoo Hock (Toya), <i>At the Temple</i> , (1985), Batik.	49
2.8 Lim Khoo Hock (Toya), <i>Formers</i> , (1975), Batik.	50
2.9 Fatimah Chik, <i>Meditation No. 3</i> , (1986), Batik Painting, 78 x 128 cm. Koleksi: MAS Headquarters, Kuala Lumpur.	53
2.10 Fatimah Chik, <i>Nusantara Melody</i> , (1993), Batik Painting, 82 x 107cm.	54
2.11 Fatimah Chik, <i>Unity in Harmony</i> , (1996), Batik Collage, 120 x 150 cm. Koleksi: National Art Gallery of Malaysia. Kuala Lumpur.	54
2.12 Syed Shahrudin Syed Bakeri, Fabrik Merah, Biru, Hijau, (1981) 110.5 x 8 cm.	56
2.13 Zaleha Zainuddin, "Bunga Orkid", (1991), Batik.	58

2.14	Zaliha Shaari, <i>Mid-West Horizon</i> , (1990), Fabric Kolaj.	59
2.15	Mohammad Hoessein Enas, “Kabus Pagi 3”, (1992), Cat Minyak.	61
2.16	Nik Mahmood Nik Idris, “Penjual Tembikai” (1965), Cat Minyak.	62
2.17	Nik Mahmood Nik Idris, “Menyisir Rambut” (1986), Cat Minyak.	63
3.1	Ismail Mat Hussin, “Ibu Menyusu”, (1977), Batik.	152
3.2	Ismail Mat Hussin, <i>Untitled</i> , (1980), Batik.	154
3.3	Ismail Mat Hussin, <i>Mak Yong Performer II</i> , (1979), Batik.	153
3.4	Ismail Mat Hussin, “Bermain Congkak”, (2005), Batik.	157
3.5	Ismail Mat Hussin, “Mengecap Kain”, (2006), Batik.	160
3.6	Yusoff Abdullah, “Memuja Wayang Kulit”, (2004), Batik.	164
3.7	Yusoff Abdullah, “Bermain Wau”, (2005), Batik.	168
3.8	Yusoff Abdullah, “Gasing”, (1980), Batik.	171
3.9	Yusoff Abdullah, “Menuai Padi”, (1990), Batik.	173
3.10	Yusoff Abdullah, “Membatik”, (1980), Batik.	174
3.11	Khalil Ibrahim, <i>Hauling The Nets</i> , (1970-1972), Batik, 114cm x 124cm, Art Case Gallery Collection.	180
3.12	Khalil Ibrahim, “Gadis”, (1968), Batik, 85cm x 64.5cm.	183
3.13	Khalil Ibrahim, <i>Colour/ Form (bold Vigorous Manner)</i> , (1970-1980), Batik, 62.5cm x 75cm.	185
3.14	Khalil Ibrahim, <i>Colour/ Form (Gioioso/ Gay)</i> , (1970-1980), Batik, 115cm x 127 cm.	186
3.15	Khalil Ibrahim, <i>Colour/ Form (Scherzando/Lively)</i> , (1990), Batik 120cm x 114.5cm.	188
3.16	Fatimah Chik, “Kebaya Series (Anggun No. 1)”, (2006), Batik, 4’ x 5’.	196
3.17	Fatimah Chik, “Kebaya Series (Anggun No. 2)”, (2006), Batik, 4’ x 6’.	198

3.18	Fatimah Chik, “Kebaya Series (Anggun No. 3)”, (2006),Batik.	199
3.19	Fatimah Chik, “Kebaya Series (Anggun No. 4)”, (2006),Batik 4’x6’.	201
3.20	Fatimah Chik, “Kebaya Series (Anggun No. 5)”, (2006),Batik, 4’x 5’.	202
3.21	Syed Shahrudin, “Fabrik Merah, Biru, Hijau”, (1981),Batik, 110.5cm x 85 cm.	206
3.22	Syed Shahrudin, <i>Abstracting Power</i> ,(1996), Batik, 123cm x 110 cm.	209
3.23	Syed Shahrudin, “Wayang Kulit”, (1998), Batik 150cm x 130 cm.	210
3.24	Syed Shahrudin, “Fabric” (1990), Batik.	212
3.25	Syed Shahrudin, “Fabric Blue, Red, Yellow 9”, (1993), Batik,122.5cm x 110 cm.	213
4.1	Hashim Hassan,“Indahnya Bumi Ini II”, (2006), Akrilik & Media campuran atas Kanvas, 152cm x 140 cm.	224
4.2	Hashim Hassan,“Wau Bulan Terbang Malam”, (2003), Media Campuran, 152cm x 140cm.	226
4.3	Hashim Hassan,“Bunga Manggar”, (2003), Akrilik & Media Campuran atas Kanvas,122cm x 140 cm.	228
4.4	Hashim Hassan, <i>The Threa</i> , (1988), Akrilik atas Kanvas,127 x 142 cm.	230
4.5	Hashim Hassan,“Lembah Hijau”,(2006),Media Campuran atas Kanvas,142cm x 142cm.	232
4.6	Chang Fee Ming, <i>Awaiting II</i> , (1991),Cat Air,56 cm x 76 cm.Koleksi Art Museum Singapore.	237
4.7	Chang Fee Ming, <i>Awaiting IV</i> , (1992),Cat Air,58 cm x 56 cm.Koleksi Perseorangan.	238
4.8	Chang Fee Ming, <i>Don’t Let the Love Die</i> , (1993),Cat Air,76 cm x 56 cm.Koleksi Perseorangan.	241
4.9	Chang Fee Ming, <i>Awaiting the Return</i> , (2005),Cat Air atas Kertas,56 x 76cm.	242



4.10	Chang Fee Ming, “Kak Long Balik Hari Ini”,(1993),Cat Air atas Kertas.	244
4.11	Ismail Kadir, “Bersilat”,(1992), Batik,83.82 cm x 114.3 cm.	250
4.12	Ismail Kadir, “Rezeki”, (1999),Oil,Saiz: 3x4 kaki. Koleksi Maybank Kuala Lumpur.	251
4.13	Ismail Kadir, “Jendela Warisan”,(2005),Cat Air, 3’ x 4’.	254
4.14	Ismail Kadir, <i>Fammer</i> , (2003),Cat Air, 56 cm x 76cm.	256
4.15	Ismail Kadir, <i>Native Dancer</i> , (2004),Cat Air.	258
4.16	Najib Dawa, <i>Prosperity II</i> , (2004), Akrilik, 43cm x 43cm.	265
4.17	Najib Dawa, <i>Serenity</i> , (2004), Akrilik, 43cm x 43cm.	267
4.18	Najib Dawa, <i>Going West</i> , (2004), Akrilik, 43cm x 43cm.	268
4.19	Najib Dawa, <i>Boudeless II</i> , (2004), Akrilik, 43cm x 43cm.	269
4.20	Najib Dawa, <i>Continuity and Discontinued</i> , (2006), Media Campuran.	270
4.21	Yeong Seak Ling, <i>Kampung Life 090399</i> , (1999), Akrilik atas Kanvas, 81 cm x 81 cm.	278
4.22	Yeong Seak Ling, <i>Kampung Life Series 16042001</i> , (2001), Akrilik atas Kanvas, 84 cm x 84 cm.	281
4.23	Yeong Seak Ling, <i>Harmony Peace and Freedom</i> ,(1998), Akrilik atas Kanvas,100 cm x 100 cm.	283
4.24	Yeong Seak Ling, <i>Kampung Life Series 230405</i> , (2005), Akrilik atas Kanvas, 87 cm x 87 cm.	284
4.25	Yeong Seak Ling, <i>Kampung Life Series 270105</i> , (2005), Akrilik atas Kanvas, 87 cm x 87 cm.	286

#### SENARAI LAMPIRAN

	Muka surat	
1.1	Katalog Pameran ‘batik Painting’.	301
1.2	Keratan akhbar Sunday Gazette, Disember 11,1955.	303

## **BATIK PAINTING’ DAN ‘PAINTING BATIK’ DALAM PERKEMBANGAN SENI LUKIS MODEN MALAYSIA.**

### **ABSTRAK**

Tesis berkaitan ‘Batik Painting’ dan ‘Painting Batik’ dalam perkembangan seni lukis moden Malaysia ini hanya akan memberi fokus terhadap kedua-dua jenis karya yang dipilih sekitar era 50-an sehingga tahun 2006. Secara umumnya ‘batik painting’ telah diketahui wujud di dalam seni lukis moden Malaysia sekitar dekad 50-an. Antara pelukis perintis catan batik moden Malaysia ialah Chuah Thean Teng, Patrick Ng Kah Onn, Khalil Ibrahim, Tay Mo Leong, dan Ida Ruth Talalla (Sekadar menyebut beberapa nama). Istilah ‘Batik Painting’ dan ‘Painting Batik’ umpama mainan kata-kata tetapi jika diselami dengan lebih mendalam, Terdapat perbezaan tentang kedua-duanya. Penggambaran semula imej-imej batik pada kanvas atau penghasilan lukisan yang mempraktikkan proses batik menjadi satu isu yang sangat menarik dalam arus perkembangan seni lukis moden Malaysia. Kewujudan dua istilah ini masih belum diperkatakan lagi. Lahirnya dua karya yang berlainan istilah ini dalam pentas seni lukis moden Malaysia telah menarik perhatian pengkaji.

Sorotan literatur berkaitan batik dan katalog–katalog pameran sekitar tahun 1950-an hingga tahun 2000 menjadi satu sumber rujukan yang penting untuk mengkaji perkembangan karya ‘batik painting’ dan ‘painting batik.’ Perbezaan gaya persembahan serta aplikasi teknik penghasilan lukisan mereka juga dapat dianalisis. Kehadiran dua kelompok pelukis dalam menghasilkan karya batik mahupun merakam keindahan batik menjadi tumpuan untuk diselidiki akan perkembangannya. Karya-karya yang

bercirikan batik khususnya ‘batik painting’ dan ‘painting batik’ sudah sinonim dalam perkembangan seni lukis moden Malaysia wajar dikaji dan direkodkan.

Kajian kualitatif ini berdasarkan data yang dikumpul dalam bentuk perkataan, katalog-katalog pameran, karya-karya ‘batik painting’ dan ‘painting batik’ dan lain-lain rekod rasmi. Di samping itu juga kaedah temubual dengan responden-responden yang dipilih secara rawak yang terdiri daripada 5 orang pelukis ‘batik painting’ dan 5 orang pelukis ‘painting batik’ juga menyokong lagi kajian ini. Penemuan dan interpretasi yang dibuat akan dapat menjelaskan definasi istilah ‘batik painting’ dan ‘painting batik’ dengan lebih tepat lagi. Kajian ini juga dapat mengenal pasti pelukis-pelukis yang terlibat dalam menghasilkan karya ‘batik painting’ dan ‘painting batik’ serta menjelaskan perbezaan di antara karya ‘batik painting’ dan ‘painting batik’ dalam perkembangan seni lukis Moden Malaysia.

# **‘BATIK PAINTING’ AND ‘PAINTING BATIK’ IN MODERN MALAYSIAN ART**

## **ABSTRACT**

This dissertation focuses on these two art forms practiced from the 1950s up to the year 2000. Batik painting has been with us since the 1950s, practiced by Chuah Thean Teng, Patrick Ng Kah Onn, Khalil Ibrahim, Tay Mo Leong and Ida Ruth Talalla. ‘Batik Painting’ and ‘Painting Batik’ may seem like a play of words but actually signify stark differences. To redo batik images on canvases or to paint using the batik technique has become an intriguing issue in modern Malaysian art that has, however, generated less than enthusiastic attention. The researcher is therefore exploring it here as a theme. One important source of reference is the bulk of exhibition catalogues on batik issued from the period. The different ways of presentation and the applications of techniques are studied. The existence of two groups of artists who record the beauty in their respective works plotted their progress is also being studied. Works identified as ‘batik painting’ and ‘painting batik’ in their presentations and techniques are studied. Artworks characterized as ‘batik painting’ and ‘painting batik’ often seen as synonym have to be differentiated.

This qualitative study is based on the review of exhibition catalogs, official records, and the artworks themselves. Much information is gleaned from interviews with selected artists, five of whom represent the school of ‘batik painting’ (name the artists) and the other five that of ‘painting batik’ (name the artists). It is hoped that this interpretative study will help define the meanings of ‘batik painting’ and ‘painting batik’ much more robustly, identify their practitioners, and nuanced the differences between the two in the evolution of modern art of Malaysia.

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.0 Pengenalan.**

Seni batik adalah satu kaedah reka bentuk dan pencorakan tekstil yang diasaskan daripada penggunaan lilin dan bahan pewarna samada penggunaan pewarna dari alam semulajadi mahupun pewarna moden. Lilin merupakan bahan utama yang digunakan sebagai pemisah warna samaada dilukis menggunakan canting mahupun yang diterap menggunakan blok-blok motif ke atas permukaan tekstil. Kemudiannya warna disampaikan kepada tekstil samada dengan kaedah celupan atau menggunakan berus. Keistimewaan dan keunikan seni batik terletak pada ciri yang berlainan bagi corak dan kesan yang terhasil oleh kerana itu tidak ada sehelai batik yang sama dengan yang lain sekalipun menggunakan canting, blok cap dan warna yang sama. Dalam hal ini

Asharil Duhardi Abdullah menjelaskan bahawa:

Istimewanya seni batik kerana batik merupakan salah satu seni tradisi budaya yang lahir dan berkembang di kepulauan Melayu serta berkaitan dengan pakaian para penduduknya. Motif yang sering menghiasi ruang badan sesebuah kain sarung sudah semestinya motif-motif etnik. Setiap daerah yang menghasilkan batik sabagai bahan keperluan harian pastinya mempunyai motif-motif etnik yang perlu diangkat dan dikembangkan agar ia kekal dan diketahui oleh setiap generasi baru. Batik tradisional ini mempunyai makna simbolik yang tinggi dan penggunaannya didasarkan pada status sosial pemakai dalam masyarakat daerah tertentu.<sup>1</sup>

Dengan penggunaan motif-motif etnik yang terdiri daripada imej-imej flora seperti motif pucuk rebung, bunga cempaka, bunga airmata kasih; manakala motif fauna seperti motif kala jengking, motif rama-rama, motif burung dan juga motif ayam.

---

<sup>1</sup> Asharil Suhardi Abdullah. "Batik daripada Tradisi kepada Modenisasi" dalam Majalah Dewan Budaya: Julai 2004. hlm. 40.

Namun begitu, motif-motif fauna ini telah diubahsuai mengikut daya kreativiti masyarakat dahulu lakaran yang dihasilkan tidak menyerupai bentuk yang sebenar, kerana menghormati ajaran agama Islam.

Pada masa kini, batik telah berkembang melampaui dunianya dengan melalui proses pemodenan konsep, teknik dan falsafah. Sebagaimana masyarakat dan kebudayaan yang sentiasa berkembang mengikut peredaran zaman, seni membatik juga turut berubah. Daripada keindahan yang hanya terdapat pada pakaian yang menunjukkan status si pemakainya, batik telah berpindah konsepnya mengikut konsep tradisi kesenian Barat iaitu catan batik yang menjadi hiasan-hiasan dinding galeri atau pejabat, hotel-hotel atau juga sebagai hiasan-hiasan dinding ruang tamu rumah-rumah masyarakat pertengahan.<sup>2</sup>

Perubahan bentuk dan fungsi batik terjadi kerana adanya faktor perubahan zaman, penggantian generasi, pengaruh kebudayaan barat dan teknologi moden. Perubahan bentuk dan fungsi seni batik moden merupakan cerminan dari keperluan dan apresiasi masyarakat moden. Dengan adanya keistimewaan teknik pembuatannya serta harmoni susun atur motif yang melambangkan masyarakat Melayu membolehkan pelukis-pelukis moden mengarap dan merakamkannya kedalam sebuah cerminan lukisan. Rakaman dan lorekan ini semata-mata sebagai satu usaha untuk menonjolkan identiti dan usaha mencari identiti. Pernyataan Ini turut disokong oleh T.K Sabapathy yang menyatakan bahawa:

---

<sup>2</sup> D'zul Haimi Md.Zain. "Batik Dalam Seni Lukis Moden Malaysia" dalam Majalah Dewan Budaya: Mac 1984. hlm. 47.

“... apresiasi dan pembicaraan tentang ‘lukisan batik’ tertakluk kepada konsep dan terminology yang diperolehi dari lukisan. Misalnya, karya-karya demikian dibentuk, difrem dan digantung untuk tontonan seperti juga lukisan. Tema, motif dan pendekatan kepada ciptaan tertakluk kepada lukisan. Teknik batik tradisional diubahsuai dengan hasrat mematuhi peraturan-peraturan seni lukis.<sup>3</sup>

Rujukan terhadap batik, sama ada dari segi teknik, media, tema ataupun motif-motifnya ternyata telah memperkayakan stail seni lukis moden tempatan di samping merapatkan hubungan seni tradisi dan seni moden. Ini merupakan suatu proses kesinambungan seni. Batik menjadi suatu alternatif kepada pencarian identiti seni moden di rantau ini. Perubahan stail, pengolahan bentuk dan tema-tema catan batik melukis suatu perkembangan yang sihat dan serius, justeru itu menidakkan tanggapan kelonggaran seni dan teknik itu. Catan batik kini sudah mampu menangani persoalan-persoalan dan pendapat-pendapat yang meringankannya pada masa-masa lalu.<sup>4</sup>

### **1.1 Permasalahan Kajian.**

Dalam seni lukis moden, rujukan terhadap stail, teknik, makna serta motif-motif seni tradisi dan seni peribumi merupakan suatu perkara yang lumrah.<sup>5</sup> Dalam pameran ‘Batik Painting’ dan ‘Painting batik’ di Galeri Petronas pada 13 Disember 2005, Zakaria Ali ada menyatakan:

Mereka telah melukis gambar dengan imej-imej yang sudah terserap masuk ke dalam arus perdana seni lukis moden Malaysia, menambahkan lagi

---

<sup>3</sup> T.K Sabapathy dalam D’zul Haimi Md.Zain. “Batik Dalam Seni Lukis Moden Malaysia” dalam Majalah Dewan Budaya: Mac 1984. hlm. 47.

<sup>4</sup> Muliyadi Mahamood (2001) *Seni Lukis Moden Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.hlm. 50.

<sup>5</sup> Muliyadi Mahamood (2001) *Seni Lukis Moden Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan publications & Distributors Sdn. Bhd.hlm. 50.

keperbagaian kepada tradisi yang sememangnya pun berasaskan berbagai sumber dalam menghayati, menyuara dan menghargai alam bentuk-bentuk.<sup>6</sup>

Ternyata batik yang merupakan seni tradisi kini berupaya menjadi sebahagian komponen seni lukis moden Malaysia yang mewujudkan inspirasi-inspirasi baru dalam jiwa pelukis dan penghayat seni. Keupayaan teknik batik mahupun batik itu sendiri tidak perlu wujud sebarang kesangsian dan keraguan lagi. Menurut Sullivan:

...lukisan batik akan menjadi lambang kesenian negara bagi Malaysia, bahkan akan menjadi salah satu kesenian yang cukup sempurna di dunia.<sup>7</sup>

Kenyataan tersebut telah disokong pula oleh Engku Aziz, yang menyatakan bahawa:

Nada lukisan-lukisannya, warna-warnanya dan bentuk-bentuknya berdampingan mesra dengan hidup kita dan cahaya alam di tanahair kita. Rekaan-rekaannya dan garis-garisnya begitu kena dan tepat.<sup>8</sup>

Namun demikian timbul beberapa polemik dalam lukisan batik, menurut Sullivan lagi:

Segolongan kecil daripada pelukis-pelukis muda suka memodenkan atau memperbaharui cara membatik sebelum mereka benar-benar memahami cara membatik yang asli, mereka melakukan pembaharuan tersebut dengan berdasarkan kesukaan perseorangan semata-mata, akhirnya menimbulkan kekeliruan dalam lapangan kesenian batik.<sup>9</sup>

Dalam membicarakan polemik teknik penghasilan lukisan batik yang kadangkala memberi kekeliruan pada sesetengah individu, Sullivan turut menyatakan:

Ada setengah pelukis menutup kain putih dengan lilin cair seluruhnya, lalu mengerutkan kain itu supaya lilin di permukaannya beretak-retak. Lepas itu dibubuhnya warna diretakan-retakan tersebut untuk membuat retakan-retakan bercelaru yang khas ada pada kain batik, kemudian dikeluarkan lilin

---

<sup>6</sup> Zakaria Ali. (2005) Brosure Pameran Batik Painting & Painting Batik. Kuala Lumpur: Galeri Petronas.

<sup>7</sup> Sullivan F. (1968) *Taraf Seni Lukis Batik*, dalam Teng-Master of Batik. (nama tempat terbitan dan penerbit tidak dinyatakan). hlm. IX.

<sup>8</sup> Engku Aziz. (1968) *Chuah Thean Teng-Pelukis Tanah Ayer*, dalam Teng-Master of Batik. (nama tempat terbitan dan penerbit tidak dinyatakan). hlm.I.

<sup>9</sup> Sullivan F. (1968) *Taraf Seni Lukis Batik*, dalam Teng-Master Of Batik. (nama tempat terbitan dan penerbit tidak dinyatakan). hlm. XVIII.



diatas kain dengan menggunakan kertas pengisap lilin. Seterusnya mereka melukis garisan di atas kain dengan 'maker pen' dan mewarnakan corak dipermukaan kain ini dengan dakwat India. Hasil lukisan seperti ini tidak mempunyai nama khas, tetapi disebut lukisan batik juga.<sup>10</sup>

Dengan pernyataan ini jelaslah bahawa terdapat dua kategori lukisan yang berasaskan batik telah wujud sekitar tahun 60-an lagi dalam arus perkembangan seni lukis moden Malaysia. Secara tidak langsung ianya telah menjadi satu polemik terhadap kewujudan dua jenis lukisan ini dan perlu ada penerokaan terhadap perkembangan kedua-dua karya 'batik painting' atau lukisan batik serta 'painting batik' atau melukis batik.

Secara umumnya 'batik painting' telah diketahui wujud dalam seni lukis moden Malaysia sekitar dekad lima puluhan lagi. Antara pelukis perintis 'batik painting' di Malaysia ialah Chuah Thean Teng, Patrick Ng Kah Onn, Khalil Ibrahim, Tay Mo Leong, dan Ida Ruth Talalla. Karya-karya yang digolongkan dalam 'batik painting' ialah karya-karya yang dihasilkan menggunakan media batik sepenuhnya dan melalui proses penghasilan batik secara tradisional.

Begitu juga dengan 'painting batik', istilah yang belum digunakan dalam konteks seni lukis moden Malaysia. Tetapi polemik ini telah wujud suatu ketika dahulu iaitu sekitar dekad 60-an lagi, sebagai contoh pernyataan oleh Sullivan F (1968), *Taraf Seni Lukis Batik*, dalam buku *Teng-Master Of Batik*. 'Painting batik' atau melukis batik ini, merupakan karya-karya yang berkaitan tema-tema tertentu (bebas) tetapi memberi tumpuan dengan sempurna terhadap motif-motif batik yang terdapat dalam karya

---

<sup>10</sup> Sullivan F. (1968) *Taraf Seni Lukis Batik*, dlm *Teng-Master Of Batik*. (nama tempat terbitan dan penerbit tidak dinyatakan). hlm. XVIII.

tersebut. Manakala dari segi penggunaan media pula adalah bebas. Pernyataan ini disokong dengan penjelasan oleh Sullivan, yang menyatakan:

Sebagaimana kata-kata ahli hayat bahawa “hanya benda-benda yang bersesuaian dengan keadaan alam sahaja dapat hidup terus dan berkembang baik.” Jadi tak dapat tidak cara membatik dimodenkan menurut aliran zaman baru. Sudah barang tentu maksud memoden atau membaiki cara membatik ini adalah betul.<sup>11</sup>

Kesinambungan polemik ini telah menyusuri sehingga era terkini dalam perkembangan seni lukis moden Malaysia. Pelukis-pelukis ‘painting batik’ pula cenderung untuk merakam suasana sebenar persekitaran mereka yang mengalakkan pemakaian kain batik sebagai pakaian harian. Selain itu, terdapat juga segelintir pelukis ‘painting batik’, merakam motif-motif batik yang dijadikan subjek utama dalam karya mereka menerusi aplikasi pelbagai media. Berbicara dengan itu, Zakaria Ali menjelaskan;

Lukisan-lukisan mengenai batik yang dilukis, satu mainan kata-kata yang menyarankan betapa estetika batik itu telah meresapi penghayatan Chang Fee Ming, Yeong Seak Ling, Mohamed Najib Ahmad Dawa, Yuen Chee Ling, Abdul Rashid Abdul Razak dan Ismail Kadir, yang masing-masing memakai cat air, cat minyak atau cat akrilik.<sup>12</sup>

Zakaria Ali juga turut menjelaskan bahawa;

Yeong Seak Ling beranjak dari membuat batik ke melukis batik, bercelapak di antara tuntutan satu media yang menjadi corak permukaan, dan satu lagi media yang menjadi nadi penggambaran. ... lipatan kain-kain ini berulang pada langsir yang dibuai angin. Cucur atap mengunci garis melintang yang lain sehingga mengabungkannya seperti corak kain batik yang sebenarnya, menjadi batik di dalam kain batik.<sup>13</sup>

---

<sup>11</sup> Sullivan F. (1968) *Taraf Seni Lukis Batik*, dalam Teng-Master Of Batik. (nama tempat terbitan dan penerbit tidak dinyatakan). hlm. XVIII.

<sup>12</sup> Zakaria Ali (2005) *Katalog Pameran Batik, Lukisan Batik & Melukis Batik*, Kuala Lumpur:Galeri Petronas.

<sup>13</sup> Zakaria Ali (2005) *Katalog Pameran Batik, Lukisan Batik & Melukis Batik*, Kuala Lumpur:Galeri Petronas.

Namun demikian jika diteliti kedua-dua istilah ini boleh diumpamakan seperti mainan kata-kata tetapi pada dasarnya kedua-dua istilah ini memberikan satu takrifan yang berbeza pada istilah tersebut. Penggambaran semula imej-imej batik pada kanvas atau penghasilan lukisan yang mempraktikkan proses batik menjadi satu isu yang sangat menarik dalam arus perkembangan seni lukis moden Malaysia. Kewujudan dua istilah ini masih belum diperkatakan lagi. Bertepatan dengan kajian ‘batik painting’ dan ‘painting batik’ dalam perkembangan seni lukis moden Malaysia yang diyakini dapat menjelaskan serta menghuraikan polimik yang timbul ini. Isu ini turut mendapat perhatian Sullivan suatu ketika dahulu:

Karya-karya yang mengelirukan orang ramai dengan nama lukisan batik seperti yang tersebut diatas sepatutnya diberi suatu nama khas yang sesuai dengan cara membuatnya, tetapi tidak harus disandangnya nama batik. Pada hakikatnya karya-karya yang dibuat dengan meniru cara kerja membatik ini ialah sejenis lukisan yang berlainan dengan lukisan batik dan juga lukisan-lukisan lain, ia mempunyai corak dan keistimewaan yang tersendiri.<sup>14</sup>

Sementara itu, peranan katalog-katalog pameran yang terdahulu akan menjadi satu sumber utama yang penting untuk mengkaji keistimewaan perkembangan karya ‘batik painting’ dan ‘painting batik’. Malahan ada nama-nama pelukis ‘batik painting’ mahupun ‘painting batik’ yang jarang dibaca atau didengari boleh ditemui di dalam katalog-katalog pameran tersebut. Kehadiran dua kelompok pelukis yang berlainan dalam menghasilkan karya batik mahupun merakam keindahan batik semakin menjadi tumpuan dan memerlukan untuk diselidiki akan perkembangannya.

---

<sup>14</sup> Sullivan F. (1968) *Taraf Seni Lukis Batik*, Dalam buku *Teng-Master Of Batik*.(nama tempat terbitan dan penerbit tidak dinyatakan). hlm.XVIII.

Karya-karya yang bercirikan batik khususnya ‘batik painting’ atau dalam bahasa kebiasaannya iaitu lukisan batik dan ‘painting batik’ atau dalam pengkajian ini diistilahkan sebagai melukis batik, yang sememangnya sudah sinonim dalam perkembangan seni lukis moden Malaysia wajar diketahui dan direkodkan.

## **1.2 Objektif Kajian.**

- a. Menjelaskan definisi yang tepat mengenai istilah ‘batik painting’ dan ‘painting batik’.
- b. Mengenalpasti pelukis-pelukis ‘batik painting’ dan ‘painting batik’ yang turut menyumbang kepada perkembangan seni lukis moden Malaysia.
- c. Mengenalpasti imej dan tema yang terdapat dalam karya ‘batik painting’ dan ‘painting batik’.
- d. Menjelaskan perbezaan gaya dan persembahan dalam karya ‘batik painting’ dan ‘painting batik’ dalam perkembangan seni lukis moden Malaysia.
- e. Mengenalpasti teknik-teknik dan proses penghasilan dalam karya ‘batik painting’ dan ‘painting batik’.

## **1.3 Persoalan Kajian.**

Kajian ini memberi fokus terhadap ‘batik painting’ dan ‘painting batik’ dalam perkembangan seni lukis moden Malaysia. Terdapat beberapa aspek yang masih menimbulkan beberapa persoalan. Antaranya:

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan istilah ‘batik painting’ dan ‘painting batik’?
- b. Siapakah pelukis-pelukis yang wajar digolongkan sebagai pelukis ‘batik painting’ dan ‘painting batik’ dalam perkembangan seni lukis moden Malaysia ?
- c. Apakah tema-tema dan imej-imej yang sering dijadikan isu serta persoalan dalam karya ‘batik painting’ dan ‘painting batik’?
- d. Bagaimanakah gaya dan persembahan karya ‘batik painting’ dan ‘painting batik’ dalam perkembangan seni lukis moden Malaysia?
- e. Apakah perbezaan yang terdapat dalam teknik dan proses penghasilan karya ‘batik painting’ dan ‘painting batik’?

#### **1.4 Kaedah Kajian.**

Kajian ini akan menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan historikal. Penyelidik akan menjalankan kerja lapangan dalam situasi yang sebenar. Penyelidikan kualitatif adalah deskriptif. Data yang dikumpul adalah dalam bentuk perkataan, katalog-katalog pameran, karya-karya ‘batik painting’ dan ‘painting batik’ yang dikaji, nota lapangan dan lain-lain rekod rasmi. Pengumpulan data bagi penyelidikan kualitatif ini akan dibuat secara berterusan, kerana merupakan satu proses penyelidikan yang lebih menumpukan kepada proses daripada hasil. Data dianalisis secara induktif, iaitu pencarian data bukan untuk membuktikan hipotesis sebelum kajian dimulakan. Sebaliknya *working hypothesis* dibentuk semasa kajian itu dilaksanakan.

## 1.5 Kerangka kajian.


Kajian ‘batik painting’ dan ‘painting batik’ dalam perkembangan seni lukis moden Malaysia ini akan didasari dengan dua teori yang terdiri daripada teori *iconography* oleh Erwin Panofsky dan *style* oleh Meyer Schapiro yang dijadikan dasar kerangka teori utama yang diadaptasi sebagai panduan bagi kaedah mengkaji ‘batik painting’ dan ‘painting batik’ dalam perkembangan seni lukis moden Malaysia. Dalam kajian ini teori Panofsky *Iconography* dan *iconology* diaplikasikan sebagai satu teori yang akan memberi satu panduan serta menjelaskan perkara berkaitan batik painting dan painting batik. Menurut Panofsky<sup>15</sup> kajian berkaitan objek seni dan imej dapat dikelaskan kepada tiga tahap iaitu *History of style*, pada tahap pertama, tahap kedua *history of types* dan tahap ketiga *History of culture symptoms or symbols*. Namun dalam kajian ini tahap pertama iaitu *History of style* akan diaplikasikan sebagai satu teori yang sesuai serta dapat diadaptasi dalam kajian ini.

Dalam kajian ini berdasarkan rajah 1.1, teori Panofsky yang diaplikasikan adalah pada tahap pertama yang mana ianya dikelaskan kepada tiga peringkat iaitu objek yang diberi interpretasi (*object of interpretation*), langkah interpretasi (*act of interpretation*) dan pelengkap interpretasi (*equipment for interpretation*) yang mana ianya menghasilkan tahap pertama prinsip interpretasi pembaikan yang merangkumi sejarah gaya (*history of style*).

---

<sup>15</sup> Erwin Panofsky (1955) *Meaning in the Visual Arts*, New York: Doubleday & Company. hlm. 40-41.

**Rajah 1.1: Teori Panofsky's.**



Berdasarkan teori Panofsky ini satu penjadualan adaptasi dari teori Panofsky telah diaplikasikan sebagai panduan bagi menghuraikan persoalan kajian berkaitan gaya ‘batik painting’ dan ‘painting batik’. Penjadualan kajian yang diadaptasikan dari teori Panofsky ini akan melibatkan objek yang diberi interpretasi (*object of interpretation*). Dalam kajian ini objek yang diberi interpretasi adalah terdiri daripada karya–karya ‘batik painting’ dan ‘painting batik’ berdasarkan kajian literatur. Sumber dari data ini adalah dari sumber kedua yang melibatkan kajian literatur katalog-katalog pameran serta dokumen–dokumen bercetak.


Sementara itu pada tahap yang seterusnya, langkah interpretasi (*act of interpretation*) akan melibatkan data utama yang terdiri daripada karya-karya sebenar ‘batik painting’ dan ‘painting batik’ yang dianalisis dari segi tema, teknik dan proses penghasilan dan gaya serta persembahan. Data ini akan dapat dijadikan panduan serta bukti bagi menjelaskan kajian yang berkaitan ‘batik painting’ dan ‘painting batik’.

Manakala pelengkap interpretasi (*equipment for interpretation*) adalah merupakan pengukuran data yakni data utama yang merangkumi kajian lapangan yang melibatkan temubual artis. Pada peringkat ini pemilihan karya-karya ‘batik painting’ dan ‘painting batik’ daripada artis-artis yang terpilih juga akan dikumpulkan sebagai satu data yang dapat membantu kajian ini.


Oleh yang demikian berdasarkan tiga peringkat interpretasi dalam penjadualan kajian yang diadaptasikan dari teori Panofsky, ianya menghasilkan tahap pertama prinsip interpretasi pembaikan yang merangkumi sejarah gaya (*history of style*). Analisa dan pengkelasan ‘batik painting’ dan ‘painting batik’ adalah merupakan jangkaan dapatan yang terdiri daripada definisi ‘batik painting’ dan ‘painting batik’, pengkelasan ‘batik painting’ dan ‘painting batik’ serta pengumpulan pelbagai jenis karya ‘batik painting’ dan ‘painting batik’.



**Rajah 1.2: Penjadualan Kajian Yang Diadaptasikan Dari Teori Panofsky's.**



### Rajah1.3: Teori *Style* oleh Meyer Shapiro.



Kerangka kajian berkaitan 'batik painting' dan 'painting batik' ini juga akan didasari oleh teori *style* oleh Meyer Shapiro. Menurut Meyer Shapiro:

*By style is usually meant the constant form-and sometimes the constant elements, qualities and expression in the art of an individual or a group<sup>16</sup>.*


Teori oleh Shapiro ini telah mengklasifikasikan tiga bahagian yang utama membentuk gaya. Bahagian yang pertama adalah terdiri daripada bentuk yang tetap iaitu ianya merangkumi imej dan tema (*constant form*). Imej dan tema yang tetap pada karya adalah merupakan subjek yang dikelaskan pada bahagian ini. Bahagian yang seterusnya pula adalah bahagian yang diklasifikasikan sebagai teknik-teknik dan proses penghasilan (*constant element*). Yang dimaksudkan sebagai elemen yang tetap adalah aplikasi penggunaan teknik-teknik dan proses penghasilan yang dikenakan pada karya. Sementara itu pada bahagian yang terakhir adalah merupakan luahan rasa (*constant expression*) yang ditakrifkan sebagai gaya dan persembahan.

---

<sup>16</sup> Meyer Shapiro (1953) *Theory and Philosophy of art: style, artis and Society*, New York: Geogre Braziller. hlm. 51-59.


Ketiga-tiga bahagian dalam kerangka teori Shapiro ini sebenarnya berkait antara satu sama lain. Perkaitan dan hubung kait di antara ketiga-tiga bahagian ini yang mewujudkan karya ‘batik painting’ atau ‘painting batik’ itu dengan sempurna.

**Rajah 1.4: Adaptasi Teori *Style* .**



Oleh yang demikian justifikasi pemilihan teori *style* dan aplikasi teori *iconography* adalah gabungan dua teori utama yang dapat diadaptasikan dalam kerangka teori kajian ini. Kerangka kajian ini akan dijadikan panduan yang dapat mengungkap perihal persoalan-persoalan dalam kajian ‘batik painting’ dan ‘painting batik’ dalam perkembangan seni lukis moden Malaysia. Kerangka kajian ini dapat dirujuk pada rajah.1.5.

**Rajah1.5: Kerangka Teori Kajian ‘Batik Painting’ dan ‘Painting Batik’.**



### 1.6 Pengumpulan Data.

Dalam penyelidikan ini, beberapa prosedur dilakukan dalam memungut data iaitu:

- i. Lokasi dijalankan.

Dalam penyelidikan ini, penyidik menggunakan kemudahan Balai Seni Lukis Negara Kuala Lumpur, Muzium dan Galeri Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Yahong galeri, Art Galeri Penang, *Art Resource Centre*, Galeri Petronas, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Universiti Teknologi Mara Shah Alam,

Galeri Shah Alam, Jabatan Muzium dan Antikuiti dan rumah-rumah responden pilihan yang dikaji.

ii. Individu yang diperhati dan ditemubual.

Dalam hal ini, penyelidik akan menemubual responden-responden yang terdiri daripada 5 orang seniman pelukis 'batik painting' dan 5 orang seniman pelukis 'painting batik'.

iii. Hal yang diperhati dan difokuskan dalam temubual.

Penyelidikan akan menemubual responden-responden yang terdiri daripada pelukis-pelukis 'batik painting' dan pelukis-pelukis 'painting batik' berbincang berkaitan dengan pandangan mereka terhadap perkembangan serta permasalahan 'batik painting', penerimaan terhadap istilah 'painting batik' serta isu batik masa kini. Analisa dan kajian juga akan dibuat terhadap 5 buah karya yang dipilih secara rawak bagi setiap pelukis berkenaan.

iv. Dokumen.

Penyelidikan akan membuat penelitian terhadap dokumen-dokumen terdiri daripada katalog pameran, buku-buku, keratan akhbar, majalah dan kertas kerja yang berkaitan dengan 'batik painting' serta 'painting batik'.

v. Bahan-bahan Visual.

Interpretasi akan dilakukan terhadap bahan visual seperti karya-karya catan yang dihasilkan oleh setiap responden iaitu yang telah dihadkan kepada 5 buah karya bagi setiap pelukis.

## **1.7 Kepentingan Kajian.**

Hasil kajian ini dapat memberikan gambaran sebenar tentang beberapa perubahan istilah yang dimaksudkan dengan ‘batik painting’ dan ‘painting batik’ yang menjadi isu yang membangun bersama-sama perkembangan seni lukis moden Malaysia kini. Hal ini bermakna pengkajian dan penulisan ini akan dapat memberi gambaran perkembangan karya ‘batik painting’ dan ‘painting batik’. Adalah diharapkan penemuan dan interpretasi yang dibuat akan dapat merangsang minat dan sekaligus memberi kecenderungan dalam kalangan sarjana, penyelidik dan pengemar seni untuk bersama-sama meneroka perkembangan terkini ‘batik painting’ dan ‘painting batik’. Secara tidak langsung juga sebagai rekod perkembangan ‘batik painting’ dan ‘painting batik’ untuk tatapan dan penelitian generasi akan datang.

## **1.8 Batasan Kajian.**

Dalam kajian ini beberapa faktor utama dijadikan batasan kajian iaitu:

- a. Batasan Masa.
  - i. Kajian ini akan mengkaji katalog pameran bermula dari tahun 1950-an sehingga tahun 2000.
  - ii. Kajian terhadap karya-karya ‘batik painting’ dan ‘painting batik’ akan dikaji berdasarkan kepada beberapa justifikasi yakni kesediaan responden memberikan kebenaran bagi karya-karya responden dijadikan sebagai satu rujukan. Dalam kajian ini juga pengkaji

membataskan tahun bagi karya-karya yang dirujuk iaitu diantara tahun 1960-an hingga tahun 2006.

b. Batasan Tempat.

- i. Kajian ini akan melihat perkembangan karya-karya 'batik painting' dan 'painting batik' sekitar Semenanjung Malaysia sahaja.

c. Batasan Responden.

- i. Pemilihan pelukis-pelukis tempatan seramai 10 orang akan dipilih secara rawak serta disenaraikan dan dibahagikan kepada 5 orang pelukis bagi kategori 'batik painting' dan 5 orang pelukis dalam kategori 'painting batik'. Gender pelukis juga turut dipilih secara rawak.
- ii. Pemilihan karya pelukis pula akan dihadkan kepada 5 buah karya bagi setiap pelukis yang dipilih. Pemilihan karya akan di buat mengikut kesediaan responden berkenaan dan juga sejauhmanakah perkembangan karya terkini bagi responden pada setiap tahun dalam tempoh pengkajian.

d. Batasan Ruang

- i. Kajian ini akan melibatkan galeri-galeri dan rumah-rumah responden.

e. Batasan Kandungan

- i. Memfokuskan kepada 'batik painting' dan 'painting batik'.
- ii. Mengkaji perkembangan karya-karya pelukis pilihan yang berkaitan dengan 'batik painting dan 'painting batik' dalam seni lukis moden Malaysia.

## BAB 2

### SOROTAN LITERATUR

#### 2.0 Definisi Batik.

Membatik adalah satu daripada kesinambungan-kesinambungan warisan tradisi sehingga ke dewasa ini. Kemunculannya penuh rahsia dan sehingga hari ini ia masih dipertikaikan oleh para sejarawan seni. Pernah para arkeologi membuat kenyataan serta memberi pendapat berdasarkan teori bahawa ‘batik’ sebenarnya lahir di negara-negara sebelah Timur. Konsep asal dalam penghasilan batik adalah dari tamadun besar dunia iaitu Mesir, walaupun pada hakikatnya istilah ‘batik’ sebenarnya muncul dari negeri-negeri di kepulauan Melayu.<sup>17</sup> Sementara itu, Abdullah Mohamed (Nakula) pernah mencatatkan:

Perkataan “Batik” nampaknya berasal dari Indonesia dari perkataan Melayu untuk “titik” dan perkataan Jawa “Mba” ertinya “menulis”. Oleh itu “batik” bererti “menulis titik-titik” yang dimaksudkan di sini sama ada berupa titik-titik dalam ertikata yang sebenarnya atau berupa bunga-bunga dan lain-lain motif kecil-kecil di atas permukaan kain putih. Kemudian, teknik untuk mewujudkan motif-motif itu bergantung pada zaman dan ruang.<sup>18</sup>

Dalam Kamus Dewan edisi ke tiga pula mencatatkan definisi yang agak ringkas iaitu ‘batik’ bermaksud kain yang bercorak, (dilukis atau diterap lilin dan dicelup). Perkataan ‘tik’ bermaksud ‘titik yang asalnya berbunyi berdetik atau ‘tik-tik’. Istilah

---

<sup>17</sup> D’zul Haimi Md.Zain. “Batik Dalam Seni Lukis Moden Malaysia” dalam Majalah Dewan Budaya: Mac 1984. hlm. 47.

<sup>18</sup> Abdullah b. Mohamaed. (1990) *Batik kita: Falsafah motif-motif dan sejarahnya* dalam Warisan Kelantan IX : Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. hlm.13.



batik juga diambil daripada proses penggunaan lilin dan dengan cara menitikkannya pada permukaan kain putih melalui canting. Menurut Sarah Arney:

*In Malaysia the meaning of batik is much larger than a simple definition of the physical batik process. For most Malaysians batik connotes certain design characteristics and particular motifs. The process is secondary.*<sup>19</sup>

Oleh yang demikian menurut Sarah Arney, di Malaysia makna batik itu lebih besar daripada definisi yang ringkas berkaitan proses fizikal penghasilannya. Beliau berpendapat bahawa istilah batik di Malaysia itu merangkumi reka corak dan juga berkaitan motif yang tertentu. Proses membatik itu adalah merupakan perkara yang kedua penting. Pernyataan ini juga lahir berdasarkan beberapa laporan yang dikaji dan direkodkan oleh beliau iaitu:

1. *In 1972 the customs and Excise Department defined batik “as any kain batek or any printed fabric so resembling it”.*
2. *MARA (Majlis Amanah Rakyat), an evolved form of the Rural and Industrial to process:”...the cloth is subjected to 100% wax printing using blocks or wax writing after which the piece of cloth is 100% dyed with various colors...”*<sup>20</sup>

Sementara itu pengertian batik dari Wikipedia pula bermaksud bahawa batik merupakan perkataan yang berasal dari bahasa Melayu atau juga Indonesia. Ianya merujuk kepada kata nama hasil dari penggunaan lilin pada teknik celupan warna pada kain. Perkataan ini asalnya dari perkataan bahasa Melayu iaitu ‘titik’ dan dalam bahasa Jawa disebut sebagai ‘amba’ yang bermaksud menulis. Oleh yang demikian dapat disimpulkan bahawa makna batik itu adalah merupakan hasil dari kata kerja membuat

---

<sup>19</sup> Sarah Arney. (1987) *Malaysian Batik: Creating New Traditions*, Kuala Lumpur: Kraftangan Malaysia. hlm.14.

<sup>20</sup> Sarah Arney. (1987) *Malaysian Batik: Creating New Traditions*, Kuala Lumpur: Kraftangan Malaysia. hlm.14.

titik menggunakan lilin pada permukaan kain yang hendak di warnakan. Ini dapat dibuktikan dengan sorotan petikan dari wikipedia:

*Batik or batique is an Indonesian-Malay word and refers to a generic wax-resist dyeing technique used on fabric. The word originates from Malay word for dot or point, "titik" and the Javanese word 'amba", meaning "to write".*<sup>21</sup>

Manakala Alfred Buhler juga memberi pengertian batik yang berbeza iaitu dari sudut penggunaan bahan yang dapat menjadi penghalang pada permukaan kain bagi proses mewarna. Menurut beliau pendekatan teknik itu sendiri sebagai sesuatu yang dinamakan batik:

*Resist dyeing by covering a fabric with paste or liquid material like mud, gum, or wax, which when becomes hard, serves as screen that resists the dye.*<sup>22</sup>

Pandangan dan pendapat yang sama turut dinyatakan oleh perintis catan batik tanahair iaitu Tay Mo Leong. Menurut beliau, penghasilan batik itu adalah merupakan satu proses menghalang warna bagi menghasilkan reka corak pada permukaan kain.<sup>23</sup>

Manakala menurut Ila Keller pula:

Istilah 'Batik' berasal dari perkataan 'ambatik' bermaksud 'hamba titik'.<sup>24</sup> Saudara R. Soeprato pernah menjelaskan bahawa Sultan Hanjokrikusmo yang memerintah dalam tahun-tahun 1613 hingga 1645, amat berminat mencipta corak-corak batik yang simbolik. Corak-corak ini pula diusahakan menjadi batik oleh 'hamba-hamba titik atau taritik di istana-istana Jawa.<sup>25</sup>

---

<sup>21</sup> Wikipédia, Batik (2005) (online), ( Accessed 11/30/2005) Available from World Wide Web: <http://en.wikipedia.org/wiki/Batik>.

<sup>22</sup> Alfred Buhler. Dlm Sarah Arney. (1987) *Malaysian Batik: Creating New Traditions*. Kuala Lumpur: Kraftangan Malaysia. hlm.14.

<sup>23</sup> Tay Mo Leong. (2005) *My approach in Batik painting*: Artikel karyawan tamu Galeri Petronas, 14 Disember 2005, Galeri Petronas Kuala Lumpur.

<sup>24</sup> Ila keller. (1966) *Batik: The Art and Craft* dalam D'zul Haimi Md.Zain. "Batik Dalam Seni Lukis Moden Malaysia", dalam Majalah Dewan Budaya.hlm. 47, Mac 1984.

<sup>25</sup> Ila keller. (1966) *Batik: The Art and Craft* dalam D'zul Haimi Md.Zain. "Batik Dalam Seni Lukis Moden Malaysia", dalam Majalah Dewan Budaya. hlm. 47, Mac 1984.

W.Kertcher dalam bukunya *Sejarah Batik Yogyakarta* menyatakan bahwa, secara etimologis istilah batik berasal dari kata yang berakhiran ‘tik’, berasal dari kata menitik yang berarti menetes. Dalam bahasa Jawa karna batik disebut seratan, dalam bahasa Jawa *ngoko* disebut tulis, yang dimaksudkan adalah menulis dengan lilin.<sup>26</sup>

Dengan pelbagai pengertian batik yang dinyatakan, dapat disimpulkan bahwa batik adalah merupakan satu hasil seni yang dihasilkan dari kesan lilin melalui teknik titik-titik atau juga bahan penebat lain yang dapat menjadi penghalang bagi pewarna kain meresap pada permukaan kain yang dapat menimbulkan atau melahirkan satu reka corak tertentu pada permukaan kain. Hasil dari kesan ini yang dinamakan batik.

Sementara itu Pauziah Haji Abdullah turut juga mencatatkan bahawa:

Perkataan ‘Batek’ mempunyai dua pengertian. Perkataan batek yang berasal dari Indonesia bererti rintik-rintik yang putih yang ada pada kain-kain yang diwarnakan dan dicorakkan. Pengertian kedua ialah kain-kain putih yang diterap di atasnya dengan menggunakan blok-blok atau acuan-acuan tertentu yang diperbuat daripada kayu, tembaga atau besi dengan menggunakan lilin, damar atau rosin.<sup>27</sup>

Manakala bagi Mohamed Najib Ahmad Dawa pula menjelaskan bahawa:

*... the term ‘batik’ in Malaysia is a very complicated that just a simple definition of the physical process is awfully true. The definition of batik for most Malaysian is based on certain design characteristics and particular motifs, and the process is secondary. Therefore any fabric which fulfill the characteristics of batik such as the design with: twist and curls motifs, dots (iseng), and crackle effect is totally accepted as batik.*<sup>28</sup>

---

<sup>26</sup> W.Kertcher, “Perindustrian Batik di Pulau Jawa. Bandoeng: Badiche & Soda fabric A. G. 1954”, dalam A.N. Suyanto (2002) *Sejarah Batik Yogyakarta*. Yayasan Adikarya-IKAPI dan Ford Foundation: Yogyakarta.

<sup>27</sup> Pauziah Haji Abdullah. (1983) *Sejarah Perusahaan Batek*, dalam Warisan Kelantan II: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. hlm. 42.

<sup>28</sup> Mohamed Najib Ahmad Dawa. (2002) *Sejarah Senikraf Tradisional*. Ceramah Sejarah Senikraf Tradisional, 25 Julai 2002, Dewan Cindai, Institut Kraf Negara. hlm. 12.

Dengan ini jelaslah bahawa istilah batik di Malaysia adalah satu istilah yang berkaitan dengan karektor rekacorak, motif-motif yang tertentu dan juga proses menghalang bahan pewarna yang menggunakan lilin sebagai bahan perantara bagi melengkapkan istilah batik itu.

## **2.1 Perkembangan Batik Di Malaysia.**

Bila berbicara tentang sejarah batik di Malaysia, agak sukar untuk menggali sejarah asal usul perkembangannya. Kesukaran menemui artifak yang berupa kain batik terawal menjadi satu rintangan kepada pengkaji-pengkaji terdahulu. Perkembangan batik di Malaysia boleh disimpulkan kesan akibat yang berakar umbi daripada kemahiran perkembangan mencelup kain sejajar dengan perkembangan mencelup benang untuk tenunan songket dan tenunan ikat. Sebelum batik lilin dikenali dengan meluas, telah wujud penciptaan kain batik pelangi yang dihasilkan melalui teknik mencelup kain dasar berikat. Corak dihasilkan pada permukaan kain dengan pelbagai kesan warna dari proses pencelupan. Teknik ini dikatakan mendapat pengaruh langsung dari India dan China.<sup>29</sup>

Ini turut disokong pernyataan yang digambarkan oleh Sarah Arney yang mengandaikan bahawa ketajaman fikiran orang Melayu mengutip ilmu berkaitan kain daripada kehadiran orang asing:

---

<sup>29</sup> Siti Zainon Ismail. (1986) *Rekabentuk Kraftangan Melayu Tradisi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.hlm. 272.